

Latihan berkenderaan 4X4 untuk kakitangan kerajaan

KUANTAN – Seramai 30 kakitangan membabitkan beberapa jabatan Kerajaan di negeri ini menyertai kursus berkenderaan 4X4 anjuran Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kursus berkenaan antara lain bertujuan memberi maklumat berkaitan teori dan praktikal mengenai teknik pemanduan, penyelenggaraan serta servis kenderaan pacuan empat roda dengan betul.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti itu bersedia memberi kerjasama kepada masyarakat terutama kakitangan kerajaan dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan, sosial dan ekonomi.

“Kita sentiasa menerima pelbagai kerjasama yang difikirkan sesuai sebagai satu cara untuk menyumbang kepada Pembangunan Pahang,” katanya ketika berucap pada majlis penutup kursus berkenderaan 4X4 di UMP di



Muhammad Safian (dua kanan) bermesra dengan peserta kursus 4x4 sambil disaksikan oleh **Daing Nasir** (kanan).

Dewan Bankuet UMP, kelmarin.

Beliau memberitahu, UMP mengalu-alukan kerjasama berkaitan dan berharap ia dapat ditingkatkan supaya manfaat serta faedah kewujudan UMP dapat dinikmati oleh seluruh rakyat negeri ini.

Sementara itu, Pengarah

CENFED, Mohamad Rozi Hasan memberitahu, kursus itu adalah program pertama selepas penganjuran kursus Bahasa Inggeris.

“Mengikut rekod, CENFED telah pun menjalinkan kerjasama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang khususnya Unit Pembangunan

Sumber Manusia terutamanya untuk kursus Bahasa Inggeris,” katanya.

Menurutnya, melalui program 4X4 peserta turut berkonvoi ke Hutan Lipur Jerangkang dan menunjukkan kebolehan mereka ketika mengadakan latihan pemanduan di laluan berpasir serta sungai.